

08 SEP 2000

Mahathir-MSK/I

M'SIA AKAN KETINGGALAN TANPA WAWASAN MSC, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan ketinggalan jauh di belakang tanpa wawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata tanpa wawasan tersebut, negara tidak mampu untuk mengambil kesempatan daripada perkembangan pesat teknologi dan ekonomi baru.

Negara juga akan menghadapi kesukaran termasuk tidak tahu bagaimana untuk meningkatkan kapasiti kerajaan dan rakyat tanpa aplikasi perdana MSC, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas melancarkan Pameran MSC yang diadakan sempena mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Keempat (IAP) MSC, di The Mines, Seri Kembangan dekat sini hari ini.

"Kita akan jauh ketinggalan dan kita tidak akan memahami apa yang sedang berlaku di sekeliling kita," kata Dr Mahathir yang juga pengerusi IAP.

Ditanya mengenai kritikan terhadap kadar pembangunan projek MSC, katanya ia berjalan lancar dan mendahului jadual.

Beliau menjelaskan bahawa meskipun 50 syarikat bertaraf dunia disasarkan mencapai status MSC menjelang tahun 2003, sebanyak 37 telahpun diberi status berkenaan.

Lima puluh syarikat bertaraf dunia itu adalah sebahagian daripada sejumlah 500 syarikat yang disasarkan dianugerahkan status itu menjelang 2003.

Dr Mahathir berkata 362 daripada 500 syarikat yang disasarkan, telah diberi status MSC.

Daripada jumlah 362 ini, 37 adalah syarikat bertaraf dunia.

Dr Mahathir berkata semua prasarana telahpun berada di tempat seperti dirancang dan Cyberjaya pula sedang dimajukan menjadi bandar pintar yang dirancang itu.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, yang turut hadir di persidangan akhbar itu berkata bahawa RM2 bilion telahpun dilaburkan untuk pembangunan prasarana di dalam Cyberjaya dan ini tidak termasuk bandar-bandar siber yang lain.

Misalnya, RM3 bilion telah dibelanjakan untuk Menara Kembar Petronas dan sebanyak RM9 bilion lagi telah dilaburkan ke dalam Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Dr Othman berkata pelaburan yang dibuat akan menghasilkan pulangan yang cukup lumayan kepada 362 syarikat yang mungkin melabur kira-kira RM20 bilion dalam lima tahun akan datang.

Syarikat-syarikat ini dijangka menjana 35,000 peluang pekerjaan dan akan mengeksport aplikasi teknologi maklumat (IT) buatan Malaysia.

Ditanya sama ada inisiatif khas akan disediakan untuk para pemodal teroka untuk menarik mereka melabur di dalam syarikat-syarikat MSC, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu menahu sebarang insentif yang baru."

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa kerajaan telah pun menyediakan undang-undang serta persekitaran yang perlu untuk memudahkan pelabur-pelabur asing melabur di dalam MSC.

Ditanya mengenai ketiadaan "pintu keluar" bagi syarikat-syarikat modal teroka untuk melabur di dalam syarikat-syarikat MSC, Dr Othman pula berkata beliau yakin Kementerian Kewangan sedang berusaha mengadakan peraturan yang diperlukan bagi memastikan bahawa pasaran modal akan berkembang maju dalam dua hingga tiga tahun lagi.

"Pasaran modal sedang berkembang. Ia tidak mungkin tumbuh dalam sekelip mata," tambahnya.

Syarikat-syarikat modal teroka, setelah melabur di dalam syarikat

permulaan untuk tempoh tertentu selama dua hingga lima tahun, memerlukan pintu keluar seperti mengadakan penerbitan tawaran awam permulaan (IPO).

Dr Othman menyangkal tanggapan bahawa syarikat-syarikat berstatus MSC tidak mendapat perhatian dari pemodal-pemodal teroka asing.

"Kami ada menerima beberapa pertanyaan dari pelbagai syarikat modal teroka dari seberang laut, seperti dari Amerika Syarikat, Taiwan dan Hong Kong."

Mengenai perkembangan lain, Mahathir berkata pembiaya-pembiaya kewangan Malaysia perlu membuat peralihan paradigma apabila tiba kepada soal modal teroka dan mereka perlu melatih pakar dalam bidang ini.

Beliau berkata modal teroka masih lagi sesuatu yang dirasakan sukar untuk dipraktikkan oleh kebanyakan pembiaya kewangan dan bank-bank Malaysia kerana mereka sudah biasa memberi pinjaman berasaskan cagaran.

Dr Mahathir berkata pemodal teroka sepatutnya melabur dengan bebas dengan harapan daripada 10 syarikat yang dilabur satu daripadanya akan menyediakan pulangan untuk menampung kerugian yang lain.

"Jika anda membincangkan perkara ini dengan pembiaya kewangan Malaysia, mereka pasti tidak akan bersetuju. Malahan mereka lebih suka memilih memberi pinjaman berasaskan kepada sebidang tanah bernilai satu setengah kali daripada pinjaman yang mereka berikan," kata Dr Mahathir.

Apabila anggota IAP, yang juga pemodal teroka, diminta mengulas mengenai perkara itu, Dr Gilbert Amelio, rakan kongsi Parkside Group berkata MDC telah menjalankan tugas yang baik dalam membina momentum untuk menarik modal teroka kepada syarikat-syarikat berstatus MSC.

Beliau berkata apa yang berlaku dalam industri modal teroka di Malaysia tidak boleh dibandingkan dengan negara seperti Taiwan dan Singapura yang bermula 10 tahun lalu.

"Jika anda terus tabah dan sabar, modal teroka asing akan memerhati dan melabur apabila muncul peluang yang sesuai kelak," tambahnya.

Mengulas mengenai mesyuarat IAP, Dr Mahathir berkata kehadiran seramai 29 anggota tahun ini adalah satu rekod.

Beliau berkata ahli panel mengadakan perbincangan yang sangat berguna dan penyertaan anggota IAP akan menyediakan garis panduan mengenai bagaimana untuk mempercepatkan pelaksanaan program MSC.

-- BERNAMA

TM MFJ FR ZK MA